

Sekatan pergerakan penuh

Perang bersama lawan COVID-19

Berita HARIAN (21/05/2021) M/S 02

Rakyat diminta tidak keluar rumah, ambil iktibar kehilangan ahli keluarga

Oleh Nor Azizah Mokhtar,
Suzalina Halid dan Hazwan
Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perang menentang pandemik COVID-19 ini adalah peperangan seluruh rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Beliau berkata, pandemik ini bukan mitos atau cerita rekaan. Justeru rakyat diminta ambil iktibar daripada mereka yang sudah kehilangan ahli keluarga akibat COVID-19 serta memainkan peranan bagi mengekang penularan dengan tidak keluar rumah jika tiada keperluan atau urusan penting.

Ismail berkata, pelaksanaan sekatan pergerakan penuh selama dua minggu yang dilaksanakan

“Langkah yang diambil ini bukan sesuatu yang mudah, tetapi ia adalah satu pengorbanan yang perlu dilakukan untuk keselamatan dan kesejahteraan kita bersama,” katanya pada sidang media Perkembangan Perintah Kawalan Pergerakan dan Perkembangan Semasa COVID-19 di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, keputusan yang diumumkan Perdana Menteri itu mengambil kira semua aspek, termasuk kepentingan kesihatan awam dan juga keselamatan rakyat yang kini diancam oleh penularan virus berbahaya ini.


Dalam erti kata lain, nyawa rakyat pada ketika ini amat penting memandangkan terdapat lebih 70,000 kes aktif ditambah pula kemunculan varian baharu yang lebih menganas.

Dengan kapasiti wad dan katil hospital termasuk unit rawatan rapi (ICU) yang sudah mencapai tahap maksimum, tidak mustahil sistem perkhidmatan kesihatan negara akan lumpuh dalam tempoh terdekat sekiranya sekatan pergerakan penuh tidak dilaksanakan, katanya.

Kerajaan juga katanya, sangat memahami beban tugas dihadapi petugas kesihatan, termasuk anggota pasukan keselamatan.

“Bantu frontliners kita menyelamatkan sistem kesihatan negara yang bakal lumpuh jika peningkatan kes COVID-19 tidak terkawal”

**Ismail Sabri Yaakob,
Menteri Kanan
(Keselamatan)**



laysia (ATM) membuka beberapa hospital medan bagi membantu meringankan beban hospital yang terjejas akibat peningkatan mendadak kes.

Dalam pada itu, beliau turut meminta agar orang ramai jujur ketika memohon kebenaran di balai polis bagi tujuan merentas negeri atau pulang ke kampung kerana hal kecemasan berikutan ia boleh memberi kesan kepada mereka yang benar-benar memerlukan.

RINGKASAN SOP PKP (DIBENARKAN)

Senarai Perkhidmatan Perlu Yang Dibenarkan Beroperasi

- Makanan dan minuman termasuk untuk haiwan
- Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet, penjagaan dan klinik haiwan, perkhidmatan veterinar
- Air
- Tenaga
- Keselamatan pertahanan, kecemasan, kebajikan dan bantuan kemanusiaan
- Pengurusan sisa pepejal, pembersihan awam, pembetulan
- Pengangkutan darat, air atau udara
- Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggaran, pengangkutan laiter, pengendalian kargo dan pemaliman, dan penyimpanan atau pemukalan komoditi
- Komunikasi termasuk media, telekomunikasi dan internet, pos dan kurier serta penyiaran
- Perbankan, insurans, takaful dan pasaran modal
- Kredit komuniti (pajak gadai sahaja)
- E-dagang dan teknologi maklumat
- Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan serta pengalihan bahan api dan pelincir
- Hotel dan penginapan (hanya bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu dan bukan tujuan pelancongan)
- Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal
- Perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar
- Logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu

Kawalan Pergerakan

- Mendapatkan barang keperluan harian (Dalam radius 10 km dari kediaman)
- Mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan, ujian saringan, keselamatan atau kecemasan (10 km dari kediaman atau terhampir)
- Urusan kes kematian dan bencana alam (Dengan kebenaran PDRM)
- Urusan berkaitan vaksinasi (mesti ada bukti tarikh vaksin)
- Penjawat Awam (Dibenarkan bagi perkhidmatan perlu dengan dokumen arahan rasmi dan pas pekerja.

Kenderaan dan Pengangkutan

- 2 orang termasuk pemandu dalam kenderaan persendirian untuk beli keperluan harian (dalam radius 10 km dari kediaman)
- 3 orang termasuk pesakit (bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan, perubatan, keselamatan atau kecemasan)
- 2 orang termasuk pemandu teksi dan e-hailing

dua minggu yang dilaksanakan bermula esok diharap dapat memulakan lengkuk jangkitan kes COVID-19.

“Tempoh dua minggu ini amat penting, terutama bagi Kementerian Kesihatan (KKM) dalam usaha membendung penularan wabak ini. Hanya dengan kerjasama dan disiplin, anda mampu membantu menyelamatkan sistem kesihatan negara yang bakal lumpuh jika peningkatan kes COVID-19 tidak terkawal.”

anggota pasukan keselamatan. Petugas barisan hadapan negara kini semakin kepenatan dan keletihan melampau selepas lebih setahun berjuang untuk menangani pandemik COVID-19.

“Justeru, bantulah *frontliners* (petugas barisan hadapan) kita menyelamatkan sistem kesihatan negara yang bakal lumpuh jika peningkatan kes COVID-19 tidak terkawal,” katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan melalui Angkatan Tentera Ma-

Beliau berkata, pihaknya di-maklumkan banyak permohonan terpaksa ditolak polis kerana kes meragukan menyebabkan pihak berkuasa itu mengambil langkah berhati-hati dalam memberi kebenaran.

“Justeru, saya harap kita perlu benar-benar jujur pada polis ketika membuat permohonan. Kita mungkin boleh tipu polis namun kita tidak boleh tipu COVID-19 yang ada di mana sahaja,” katanya.

Sektor pembuatan, MRS perlu surat MITI

Kuala Lumpur: Sektor pembuatan dan perkhidmatan berkaitan (MRS) yang dibenarkan beroperasi sepanjang sekatan pergerakan penuh bermula esok perlu mendapat surat kelulusan daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

MITI dalam kenyataan berkata, sektor yang dibenarkan beroperasi dengan 60 peratus pekerja adalah aeroangkasa (komponen dan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih MRO); makanan dan minuman; bahan pembungkusan dan percetakan; barang penjagaan diri dan pencuci; keluaran

penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk perokok diet dan peralatan perlindungan diri (PPE), termasuk sarung tangan getah dan peralatan keselamatan kebakaran.

Turut tersenarai adalah komponen bagi peranti perubatan; elektrik dan elektronik; minyak dan gas, termasuk petrokimia dan produk petrokimia; produk kimia; mesin dan peralatan; tekstil untuk pengeluaran PPE sahaja dan pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir.

Untuk sektor selain pembua-

tan dan MRS, syarikat diminta merujuk kementerian yang mengawal selia sektor masing-masing atau Majlis Keselamatan Negara (MKN).

“Sektor pembuatan dan MRS dibenarkan beroperasi akan memastikan gangguan minimum kepada rangkaian bekalan komponen dan produk siap kritikal.

“Ini penting bagi menjamin kelangsungan operasi infrastruktur kritikal seperti keselamatan, kesihatan awam dan sistem informasi dan telekomunikasi serta memastikan bekalan keperluan asas mencukupi untuk rakyat,” kata kenyataan itu.

Aktiviti Agama Islam (Dengan Ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negara)

- Aktiviti solat di masjid dan surau
- Upacara pernikahan (akad nikah) orang Islam
- Pengurusan pengebumian jenazah orang Islam

Perniagaan dan Perkhidmatan

(BEROPERASI 8 PAGI HINGGA 8 MALAM)

- Restoran, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (food truck), penjaja tepi jalan, penjaja beredar, medan selera, pusat penjaja, gerai makan tepi jalan atau kiosk untuk take away dan penghantaran ke rumah
- Aktiviti penjualan makanan secara bawa pulang, pandu lalu atau penghantaran
- Kedai runcit, kedai serbaneka dan kedai hardware
- Kompleks membeli-belah ditutup kecuali hanya premis, pasar raya atau pasar raya besar yang mempunyai seksyen makanan dan minuman, keperluan asas, kedai farmasi, penjagaan diri dan kedai serbaneka, mini mart untuk take away dan penghantaran ke rumah
- Klinik haiwan dan kedai makanan haiwan
- Kedai dobi, dobi layan diri dan kedai

- cermin mata
- Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti
- Kedai farmasi

Pasar harian dan pasar awam (6 pagi hingga 2 petang)

Pasar Tani Kekal (PTK), MyFarm Outlet (MFO), Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) (6 pagi hingga 4 petang)

Pasar Segar Terkawal (PST) (7 pagi hingga 12 tengah hari)

Pasar borong (12.01 tengah malam sehingga 6 pagi dan 11 pagi sehingga 4 petang)

- Stesen minyak
 - Stesen minyak (6 pagi hingga 8 malam)
 - Stesen minyak di lebuh raya bertol (24 jam)

RINGKASAN SOP PKP (TIDAK DIBENARKAN)

Kawalan Pergerakan

- Merentas negeri dan daerah
- Pasangan jarak jauh
- Pelawat perniagaan jangka pendek kecuali dengan kebenaran PDRM
- Ibu bapa atau penjaga yang

menghantar anak-anak ke pusat jagaan kanak-kanak kecuali ibu bapa yang kedua-duanya bekerja di dalam perkhidmatan yang dibenarkan oleh kerajaan mengikut kapasiti kenderaan

Pendidikan

- Semua Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah selain di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pusat tahfiz dan institusi pendidikan lain
- Semua sekolah dan institusi pendidikan di bawah KPM, institusi pendidikan swasta kategori sekolah

dan pusat tuisyen, pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat bimbingan dan lain-lain yang berdaftar di bawah KPM

- Semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kecuali kepada pelajar IPT yang berkeperluan

Perniagaan dan Perkhidmatan

- Dine-in
- Pasar tani, pasar minggu, pasar malam dan pasar tamu
- Kafe siber dan pusat siber
- Fotografi
- Nombor ramalan, lumba kuda dan kasino
- Operasi spa, refleksologi, pusat urut
- Wellness dan salun kecantikan
- Perkhidmatan pedicure dan manicure

- Kedai gunting rambut
- Kedai perabot
- Pusat cuci kenderaan
- Kedai barang kemas
- Kedai buku dan alat tulis
- Kedai aksesori kenderaan
- Kedai pakaian, fesyen dan aksesori
- Kedai alat permainan
- Kedai peralatan sukan
- Kedai bunga/ nurseri

Taska, Tabika dan Tadika

- Taska, tadika di sekolah swasta, antarabangsa dan ekspatriat serta pusat perkembangan minda bagi kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun kecuali hanya

untuk anak-anak di mana kedua-dua ibu bapa dan penjaga merupakan petugas barisan hadapan dan bekerja dalam perkhidmatan perlu

Sekatan pergerakan penuh

Kakitangan awam kerja dari rumah

Berita Harian (31/05/2021) M15 03

Arahan bagi kurangkan perhubungan individu secara bersemuka

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perkhidmatan awam akan melaksanakan kaedah bekerja dari rumah (BDR) sepenuhnya kecuali petugas barisan hadapan, keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan sultan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh fasa pertama mulai Selasa ini.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata arahan itu bertujuan mengurangkan perhubungan individu secara bersemuka sekali gus mengekang penularan COVID-19.

Berikutan arahan itu, katanya, semua ketua jabatan harus memastikan semua mesyuarat dan perbincangan dilaksanakan secara dalam talian melalui medium selamat serta ter-

jamin kerahsiaannya.

“Tiada perjumpaan atau aktiviti fizikal dibenarkan, manakala semua perkhidmatan kaunter ditutup dan urusan dilakukan secara dalam talian.

“Bagaimanapun, perkhidmatan kaunter kesihatan, balai polis dan di pintu masuk antarabangsa membabitkan kastam, imigresen serta kuarantin dibenarkan,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Zuki berkata, pelaksanaan BDR adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020 - Dasar Bekerja Dari Rumah yang memperincikan aspek perlu dipatuhi termasuk tidak boleh melaksanakan urusan peribadi dalam waktu bekerja.

Katanya, sebarang pelanggaran salah laku dalam pematuhan BDR akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Beliau berkata, kehadiran ke pejabat hanya dibenarkan bagi proses kerja yang tidak boleh dilaksanakan secara BDR dengan

tidak melebihi 20 peratus.

“Kehadiran ke pejabat hanya dibolehkan bagi tujuan pembayaran kontrak, invois dan gaji, pembayaran dan pengagihan bantuan bulanan kepada rakyat, penyelenggaraan dan keselamatan premis, pengurusan teknikal komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) bagi tujuan penyelenggaraan sistem serta mesyuarat dalam talian.

“Selain itu, penyediaan kertas dan dokumen membabitkan Jemaah Menteri, penggiliran kakitangan bagi tempoh maksimum empat jam dan kehadiran ke pejabat perlu disertai dengan doku-

men arahan rasmi dan pas pekerja,” katanya.

Mohd Zuki berkata, pemantauan dilaksanakan dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil jika berlaku ketidakpatuhan terhadap arahan dikeluarkan.

Katanya, sebarang pengecualian arahan perlu mendapat kelulusan Pejabat Ketua Setiausaha Negara.



Mohd Zuki Ali

Program latihan berpusat termasuk kejohanan atau pertandingan tertutup secara kuarantin yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis-Majlis Sukan Negeri (MSN Negeri) kecuali dengan menggunakan konsep Camp Based Training

- Program latihan berpusat termasuk perlawanan latihan secara kuarantin bagi pasukan-pasukan dalam

Malaysian Football League (MFL) kecuali dengan menggunakan konsep Camp Based Training

- Pengoperasian semua fasiliti atau premis sukan dan rekreasi
- Penganjuran kejohanan atau pertandingan atau perlawanan tempatan dan antarabangsa
- Aktiviti sukan dan rekreasi yang dijalankan di luar atau merentas kawasan

Kompleks beli-belah ditutup

Dari Muka 1

Turut dibenarkan beroperasi hotel dan penginapan bagi tujuan kuarantin, pengasingan, pekerjaan bagi perkhidmatan perlu serta bukan tujuan pelancongan turut dibenarkan.

“Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan kritikal, perkhidmatan perhutanan (terhad kepada penguatkuasaan) dan hidupan liar serta logistik yang terhad kepada penyampaian perkhidmatan perlu juga dibenarkan,” katanya.

Beliau berkata, semua kompleks beli-belah ditutup sepanjang tempoh sekatan pergerakan penuh dan hanya premis, pasar raya, pasar raya besar yang mempunyai seksyen makanan dan minuman serta keperluan asas dibenarkan beroperasi.

“Restoran, gerai makan dan ‘outlet’ makanan, kedai dobi termasuk dobi layan diri, kedai penjagaan haiwan dan makanan haiwan, kedai cermin mata dan optik, kedai perkakasan, bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan

alat ganti juga boleh beroperasi.

“Kebenaran beroperasi turut diberikan untuk aktiviti e-dagang membabitkan semua kategori produk, pemborongan dan pengedaran untuk semua kategori produk perkhidmatan perlu sahaja,” katanya.

Ismail Sabri berkata, semua sektor perniagaan itu dibenarkan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 8 malam.

“Aktiviti solat dihadkan kepada maksimum 12 orang ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan surau dengan ketetapan pihak berkuasa agama negeri.

“Rumah rumah ibadat bukan Islam juga dihad kepada 12 AJK.

“Majlis pernikahan (akad nikah) Islam dibenarkan hanya di pejabat atau jabatan agama Islam dengan kehadiran mengikut ketetapan pihak berkuasa agama negeri,” katanya.

Aktiviti sukan dan rekreasi secara individu di kawasan terbuka tanpa bersentuhan fizikal terhad kepada joging dan senaman dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya dua hingga tiga meter.

Ismail Sabri berkata, semua sektor perkilangan tidak dibenarkan beroperasi kecuali 12 jenis sektor. Antaranya aeroangkasa (komponen dan penyelenggaraan, baik pulih dan ‘overhaul’), makanan dan minuman dan bahan pembungkusan dan percetakan (berkaitan bahan makanan dan kesihatan).

Ismail Sabri berkata, dengan penutupan sektor ekonomi, jumlah pekerja yang bergerak dihadkan daripada 15 juta kepada 1.5 juta dan ia diyakini dapat melandaikan keluk jangkitan kes COVID-19.

Beliau juga menegaskan semua surat kebenaran perjalanan untuk bekerja yang dikeluarkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sebelum ini adalah terbatal mulai esok.

Katanya, permohonan baharu bagi kebenaran perjalanan perlu dikemukakan kepada kementerian yang berkaitan.

Kerajaan juga memutuskan tidak membenarkan aktiviti rentas daerah dan rentas negeri membabitkan pasangan jarak jauh (PJJ) sepanjang pelaksanaan sekatan pergerakan penuh.

Industri Kreatif

- Pembangunan dan penyiaran kandungan kreatif secara rakaman atau siaran langsung merangkumi animasi, penggambaran filem, drama, promosi, sitkom dan seumpamanya, termasuk aktiviti seni tari, seni teater, seni muzikal, persembahan kebudayaan dan warisan serta seni muzik kecuali bual bicara dan live streaming secara

individu

- Penyiaran secara rakaman atau secara langsung kecuali program berbentuk penyampaian maklumat (selain daripada hiburan) seperti berita, forum dan bual bicara
- Pawagam dan pawagam pandu masuk
- Persembahan di lounge hotel
- Aktiviti indoor atau outdoor busking

Aktiviti Hiburan

- Aktiviti di kelab malam atau pub
- Aktiviti di panggung wayang

perayaan, majlis meraikan pernikahan atau pertunangan, majlis perkahwinan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial

- Menerima tetamu atau pelawat di kediaman kecuali kes-kes kecemasan dan perkhidmatan penghantaran (delivery)

Majlis Sosial

- Majlis Rasmi atau Tidak Rasmi Kerajaan dan swasta
- Majlis sosial seperti kenduri-kendara, majlis sambutan